

CRUZOR TABLET

Irbesartan (150mg, 300mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cruzor Tablet
2. Bagaimana Cruzor Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Cruzor Tablet
4. Cara menggunakan Cruzor Tablet
5. Semasa menggunakan Cruzor Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cruzor Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Cruzor Tablet

Cruzor Tablet digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi (essential hypertension) dan untuk melindungi buah pinggang pesakit darah tinggi dan diabetes jenis 2 dengan fungsi buah pinggang terjejas.

Bagaimana Cruzor Tablet berfungsi

Cruzor Tablet mengandungi Irbesartan sebagai bahan aktif.

Irbesartan tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai angiotensin-II receptor antagonists. Angiotensin-II adalah bahan yang dihasilkan di dalam badan yang bergabung pada reseptor dalam saluran darah yang menyebabkan kontraksi pada salur darah. Ini menyebabkan tekanan darah menjadi tinggi. Irbesartan berfungsi untuk menghalang angiotensin II daripada bergabung pada reseptor dan ini akan menyebabkan salur darah mengembang dan berkesan menurunkan kadar tekanan darah.

Irbesartan melambatkan penurunan fungsi buah pinggang pada pesakit

yang menghidap tekanan darah tinggi beserta diabetes jenis 2.

Sebelum mengambil Cruzor Tablet

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Cruzor Tablet jika anda:-

- alah kepada Irbesartan atau apa-apa bahan yang disenaraikan di penghujung risalah ini.
- mengandung lebih dari 3 bulan. (Di nasihatkan juga untuk tidak mengambil Cruzor Tablet di awal kehamilan)
- menyusukan anak.

Sila bercakap dengan doktor anda jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil ubat ini atau tidak.

-Sebelum mengambil Cruzor Tablet

Cruzor Tablet mengandungi laktosa. Jika anda mempunyai intoleransi terhadap kandungan laktosa, beritahu dan dapatkan nasihat doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubatan boleh bertindak balas dengan Cruzor Tablet. Ubat-ubat tersebut adalah termasuk:

- Ubat diuretik (sejenis ubat yang menggalakkan penghasilan air kencing) dan antihipertensi lain (ubat-ubatan yang mengurangkan tekanan darah).
- Makanan tambahan mengandungi kalium dan *potassium-sparing* diuretik (ubatan diuretic yang tidak menyebabkan kehilangan kalium).
- Ubat-ubatan anti radang bukan steroid (ubat-ubatan yang

digunakan untuk merawat kesakitan dan demam).

- Lithium.
- Mifepristone (ubat gugur kandungan).
- Amiodarone (ubat *antiarrhythmic* yang digunakan untuk merawat dan mencegah beberapa jenis degupan jantung yang tidak teratur).

Jika anda tidak pasti terhadap mana-mana kesan sampingan di atas, sila berbincang dan dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Cruzor Tablet.

Cara menggunakan Cruzor Tablet

-Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Cruzor Tablet boleh diambil sebelum atau selepas makan.

Pesakit dengan tekanan darah tinggi

Dos biasa ialah 150mg sekali sehari. Dos kemudian boleh dipertingkatkan hingga 300mg sehari bergantung kepada respon tekanan darah.

Pesakit menghidap tekanan darah tinggi dan diabetes jenis 2 beserta penyakit buah pinggang

Dos permulaan ialah 150mg sekali sehari. 300mg sekali sehari adalah dos kawalan yang di syorkan bagi rawatan yang berkaitan dengan penyakit buah pinggang.

Doktor mungkin akan mengesyorkan dos yang lebih rendah, terutamanya apabila memulakan rawatan pada pesakit-pesakit tertentu seperti pesakit

yang menjalani hemodialisis, atau yang berumur lebih 75 tahun.

Cruzor Tablet tidak boleh di bahagikan. Jika dos permulaan yang lebih rendah di perlukan, Cruzor Tablet 150 mg tidak boleh di bahagikan, terapi alternatif perlu di pertimbangkan.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan ubat ini seperti yang di sarankan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa yang seperti di jadualkan.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Langkah ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan pertolongan perubatan segera.

Semasa menggunakan Cruzor Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Cruzor Tablet.

Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Cruzor Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Kehamilan

Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda rasa anda (atau berkemungkinan) mengandung.

Pada kebiasaannya, doktor akan menasihatkan anda berhenti mengambil Cruzor Tablet sebelum anda hamil atau dengan segera apabila di sahkan hamil. Kebiasaan nya, doctor akan menasihati anda untuk mengambil ubat lain.

Cruzor Tablet tidak digalakkan pada awal kehamilan, dan tidak boleh diambil apabila hamil lebih 3 bulan kerana ia boleh menyebabkan kemudaratan terhadap kandungan anda jika anda terus mengambil ubat ini.

Menyusu

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusukan atau merancang untuk menyusukan bayi.

Cruzor Tablet tidak digalakkan untuk ibu yang sedang menyusui bayi. Doktor anda akan memilih rawatan lain untuk

anda jika anda ingin menyusu, terutamanya jika bayi anda baru dilahirkan atau lahir pramatang.

Memandu dan menggunakan mesin

Berhati-hati sewaktu memandu atau mengendalikan mesin/jentera sehingga anda mengenal pasti kesan sampingan Cruzor Tablet ke atas anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan lain, Cruzor Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya. Beberapa kesan-kesan sampingan mungkin serius dan memerlukan rawatan perubatan.

Maklumkan pada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami mana- mana kesan sampingan yang berikut:

- meningkatkan kadar kalium dalam darah, meningkatkan tahap enzim yang mengukur fungsi otot dan jantung (enzim creatine kinase).
- gatal-gatal, keradangan saluran darah kecil terutamanya yang memberi kesan kepada kulit (keadaan yang dikenali sebagai *leukocytoclastic vasculitis*).
- sakit kepala, pening, tekanan darah rendah, pening apabila bangun dari posisi berbaring atau duduk.
- berdering di bahagian dalam telinga.
- kadar denyutan jantung meningkat.
- batuk
- loya, muntah, cirit-birit, senak / pedih ulu hati, gangguan pada rasa.
- hepatitis, fungsi hati yang tidak normal, penyakit kuning
- kiraan platelet darah rendah.
- sakit pada sendi dan otot, kekejangan otot.
- fungsi buah pinggang terjejas.
- disfungsi seksual.
- keletihan, sakit dada.

Hubungi doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Jika sebarang kesan sampingan semakin serius, atau jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.moh.gov.my (*Public Reporting Side Effects to medicines (ConSERF)/ Vaccine (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Cruzor Tablet

-Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 30°C.

Jangan mengambil ubat selepas tarikh tamat tempoh yang dipamerkan di atas pek dan bungkusan ubat.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Rujuk kepada ahli farmasi mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Cruzor Tablet 150mg
Panjang 12.5 mm, putih ke putih kekuningan, berbentuk bujur dan bersalut dengan ikon Pharmaniaga di satu sisi dan kosong di sebelah sisi yang lain.

Cruzor Tablet 300mg
Panjang 15.5 mm, putih ke putih kekuningan, berbentuk bujur dan bersalut dengan ikon Pharmaniaga di satu sisi dan kosong di sebelah sisi yang lain.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:

Cruzor Tablet 150mg
Setiap tablet mengandungi Irbesartan 150mg.

Cruzor Tablet 300mg
Setiap tablet mengandungi Irbesartan 300mg

-Bahan tidak aktif:

Lactose monohydrate, Hydroxypropyl methylcellulose, Croscarmellose sodium, Microcrystalline cellulose 102, Croscarmellose sodium, Colloidal silicone dioxide, Magnesium stearate, Opadry White and Purified Water.

-Nombor MAL

Cruzor Tablet 150mg
MAL21116025AZ

Cruzor Tablet 300mg
MAL21116024AZ

Pengilang

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

09/02/2022

Nombor siri:

NPRA (R2) 21/054